

02 APR 1998

Moggie-Y2K

JAWATANKUASA KERJA UNTUK MENYELIA MASALAH Y2K

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah menubuhkan satu jawatankuasa kerja untuk mengawal selia langkah-langkah yang diambil sektor swasta bagi menangani masalah Tahun 2000 (Y2K) terhadap perisian komputer, kata menterinya Datuk Leo Moggie hari ini.

"Adalah penting untuk memastikan bahawa apabila tiba masanya kemudahan seperti lapangan terbang dan komunikasi akan berjalan lancar. Ini merupakan isu yang penting," katanya pada taklimat mengenai Persidangan Infotech/ITX Malaysia '98 di Taman Teknologi Malaysia di sini.

Moggie berkata Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) telah diberi tanggungjawab untuk mengawal selia dan menyelaraskan masalah Y2K di jabatan dan agensi kerajaan.

Mampu telah mengenal pasti 21 jabatan dan agensi kerajaan yang kritikal yang berdepan dengan masalah Y2K itu, katanya.

Y2K merujuk kepada ketidakupayaan sistem komputer untuk membaca tahun "00" sebagai tahun 2000 kerana nombor-nombor itu juga melambangkan tahun 1900 dalam sistem dua digit.

Sambil menegaskan bahawa syarikat-syarikat utama perlu lebih serius dalam perkara itu, Moggie juga mengingatkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana agar turut memastikan rangkaian kerja mereka dapat mengatasi masalah itu.

Mengenai Persidangan Infotech/ITX Malaysia '98, Moggie berkata persidangan itu akan membincangkan lima isu penting -- Y2K, bukti aplikasi, Perdagangan-E, rangkaian kerja keselamatan dan pendidikan hiburan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad Tengku Datuk Dr Mohamed Azzman Shariffadeen yang turut hadir berkata persidangan tahun ini akan mengemukakan pelbagai pengalaman para pelaksana Teknologi Maklumat (IT) dalam menghasilkan aplikasi dan inovatif dengan menggunakan bahan tempatan.

Persidangan itu adalah dalam rangka kerja dialog IT kebangsaan untuk menggariskan kemajuan dan pembangunan agenda IT negara pada peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan persidangan itu yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra dari 21 hingga 24 April.

Ia dianjurkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara dan Persatuan Industri Komputer Malaysia dengan kerjasama Mimos Berhad.

-- BERNAMA

RV RHM